

# Cari punca remaja antiagama — PM

UM 21 JUL 2001

Oleh SAROJI MOKHTAR

**K**OTA BHARU 20 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahukan semua pihak terutama ibu bapa dan guru mencari punca dan menyelesaikan segera masalah yang dihadapi golongan remaja hingga terlibat dalam kes jenayah dan antiagama.

Dr. Mahathir berkata, adalah amat sedih kerana hari ini terdapat bermacam-macam perkara berlaku melibatkan pelajar belasan tahun, yang sebelum ini tidak pernah berlaku.

“Yang sedih bukan Cina dan India tetapi Melayu...orang Cina, orang India pun terlibat tetapi bilangan terbesarnya ialah Melayu.

“Hari ini kita telah baca berkenaan satu kumpulan Melayu yang sudah lari daripada ajaran Islam, mereka menyembah syaitan, mereka terlibat dengan apa yang dipanggil *Black Metal*,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran Program Celik IT 2001 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian (2), di sini hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Berhad, Datuk Hassan Harun.

Dr. Mahathir berkata, amat menyedihkan dengan macam-macam

perkara yang berlaku di kalangan pelajar belasan tahun yang masih muda terlibat dalam jenayah, rogol dan membunuh.

Katanya, kumpulan remaja itu terlibat dengan lagu-lagu dan lirik nyanyian yang menyuruh mereka membuat perkara jahat seperti menolak budaya bangsa, nilai-nilai mulia bangsa dan menolak agama Islam.

“Turut menyedihkan lagi mereka sudah sampai kepada tahap sanggup memijak al-Quran, koyak al-Quran bersama Injil.

## Ketahanan diri

“Cuba kita bertanya kepada diri kita kenapa ini berlaku sedangkan dulu tidak berlaku. Menyedihkan lagi ialah pelajar-pelajar membuat kelakuan yang luar biasa ini datang dari sekolah agama, majoriti dari sekolah agama.

“Apakah agama kita menyuruh kita buat kegiatan seperti itu, sudah tentu tidak...,” ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan keadaan itu tentunya ada sesuatu yang berlaku menyebabkan mereka ini sanggup menolak agama dan melibatkan diri dalam kegiatan anti-agama, antitradisi, anti budaya masyarakat dan antikerajaan.

Beliau mempersoalkan ketahanan diri mereka yang begitu lemah sehingga sanggup membuat perkara-perkara yang dilarang oleh agama.

“Kita perlu tanya pada diri kita di manakah kesilapan kita, apa yang kita buat... jangan sembunyikan, yang salah mesti kita kenali supaya dapat kita betulkan.

“Janganlah dengan adanya kepentingan lain, kita sembunyikan perkara yang salah.

“Apa akan terjadi kepada masyarakat kita yang akan datang, yang akan terdiri daripada orang yang tidak berilmu pengetahuan, tidak berpegang kepada ajaran agama sehingga ke tahap mereka sanggup berbuat bermacam-macam perkara yang bertentangan dengan agama,” ujarnya.

Justeru Perdana Menteri berkata, sebagai ibu bapa mereka perlu bertanggungjawab untuk menjaga anak-anak supaya menjadi manusia yang bertanggungjawab pada masa depan.

Bagaimanapun, katanya, guru-guru juga perlu memainkan peranan yang lebih berkesan dan bertanggungjawab bagi memastikan masalah di kalangan remaja itu dapat diatasi.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan bersama rakyat di Pengkalan Kubor, di Tumpat Dr. Mahathir melahirkan rasa hairan dengan kejadian pelajar sekolah agama terlibat dalam kegiatan memuja syaitan dan gejala ajaran sesat *Black Metal*.

Malah, kata Perdana Menteri, tindakan pelajar terbabit yang sanggup mengoyak dan memijak kitab suci al-Quran menunjukkan mereka mempunyai didikan moral dan agama yang lemah.

Sedangkan pelajar terbabit, kata beliau, mendapat didikan agama yang cukup di sekolah yang sepatutnya boleh dijadikan benteng bagi mencegah mereka terlibat dalam kegiatan tidak baik.